

**MUKHANNATH DAN KHUNSA: KEDUDUKAN MEREKA DALAM RUANG  
LINGKUP UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA**

Mohamad Hafifi Bin Hassim & Mohd Farok Bin Mat Nor

**Pensyarah  
Jabatan Undang-Undang  
Fakulti Syariah Dan Undang-Undang (KUIS)**

**ABSTRAK**

Manusia merupakan sebaik-baik ciptaan Allah SWT dan merupakan suatu tanda kebesaranNya yang tidak dinafikan. Namun, dalam kesempurnaan ciptaan Allah SWT, masih tersimpan satu rahsia mengenai jantina manusia, iaitu kewujudan golongan khunsa dan mukhannath. Jantina lelaki mahupun perempuan jelas dapat diperhatikan melalui tanda fizikal, emosi dan kecenderungan seksualiti. Akan tetapi khunsa dan *mukhannath* merupakan dua golongan yang berbeza dari pengekelasan jantina yang alami. Saban hari, semakin banyak kes-kes yang difailkan di mahkamah antara lain, menuntut pertukaran jantina yang berbeza daripada jantina asal. Kajian yang dilakukan ini adalah berbentuk kualitatif dengan mengkaji sumber-sumber bertulis, artikel, jurnal dan dokumen perundangan. Hasil daripada kajian ini, akan dapat menjelaskan tentang sejauhmana kedudukan golongan ini dalam undang-undang di Malaysia sama ada dalam ruang lingkup undang-undang sivil serta syariah. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dan diambil perhatian oleh golongan yang bertanggungjawab dalam membantu golongan ini ke arah fitrah insani yang semulajadi.

**1.0 PENDAHULUAN**

Masalah kebejatan moral dan tatasusila masyarakat pada masa kini semakin membarah apabila golongan yang mendakwa diri mereka sebagai lesbian, gay, biseksual dan lelaki lembut sudah berani tampil dengan identiti tersendiri di khalayak ramai. Malah ada dalam kalangan mereka yang turut menjadi ikon perniagaan terkenal, artis dan sebagainya. Isu yang melibatkan kekeliruan gender ini menjadi semakin popular kesan daripada kemajuan teknologi yang canggih dan serba moden seperti facebook, instagram dan sebagainya. Jika dahulunya golongan ini seakan-akan malu untuk menonjolkan diri mereka oleh kerana kluatir dengan kritikan dan ejekan masyarakat, namun pada kebelakangan ini ada sebahagian daripada mereka menjadi idola dan ikutan masyarakat.

Permasalahan ini bukan sahaja menjadi masalah pada individu terbabit, keluarga atau masyarakat malah negara amnya. Isu ini turut mendapat perhatian di peringkat pemimpin

atasan. YAB mantan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji. Ahmad Badawi telah beberapa kali menyarankan supaya usaha-usaha terkini perlu dilakukan bagi melahirkan bangsa Malaysia yang berpersonaliti unggul (*towering personality*). Namun, sebilangan besar dari lelaki lembut ini adalah anak-anak melayu yang beragama Islam (Sidek et al 2005).

Fenomena lelaki lembut dan khunsa ini sudah lama berlaku khususnya di negara Barat dan mereka bebas untuk menjalankan kegiatan tidak bermoral. Sekiranya kegiatan mereka seperti hubungan sejenis dihalang dan disekat, golongan ini akan menentang kononnya ia adalah hak asasi manusia mereka yang tidak boleh dicabuli, sepertimana yang telah berlaku dalam isu COMANGO di Malaysia di mana salah satu tuntutan mereka di Geneva ialah mengiktiraf golongan LGBT.

## 1.0 KONSEP MUKHANNATH

Mohd Izhar & Diani Mardiana (t.t) menyatakan dari segi bahasa, *mukhannath* ialah seseorang yang mempunyai sifat yang lembut atau seseorang yang memiliki banyak sifat-sifat kewanitaan dan lemah lembut. Manakala dari segi istilah, *mukhannath* ialah seorang lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti perempuan sama ada dari segi keadaan fizikal, tingkah laku, percakapan dan sebagainya. Selain itu ia juga ditafsirkan sebagai golongan lelaki yang memiliki zakar sejak dilahirkan tetapi sikapnya menjadi lembut seperti golongan wanita akibat daripada dorongan naluri, tekanan jiwa serta nafsu sehinggakan ada yang sanggup membuat pembedahan plastik untuk mengubah kemaluan serta menambah payu dara (al-Zuhayli 2007).

Selain itu, dari segi bahasa, *mukhannath* bererti (المثنى لمسترخى) (iaitu mempunyai dua sifat yang lembut, jamaknya (مخانيث) iaitu seseorang yang memiliki banyak sifat kewanitaannya dan lemah lembut. Istilah-istilah lain yang turut digunakan seperti mak Nyah, pondan, bapak, adik-adik, cik mek cik awang, darai, kerdil dan khunsa (Zaliha 1998). Dari segi istilah pula, *mukhannith* atau *mukhannath* ialah seorang lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti tingkah laku perempuan sama ada dari segi gerak geri, keadaannya, percakapan dan sebagainya.

Jika dalam bahasa Arab dikenali sebagai *mukhannath* iaitu seorang lelaki tulen yang nalurnya ke arah perempuan. *Mukhannath* juga disebut sebagai golongan transgender; adalah perbuatan yang menyerupai lain jenis, baik dalam berbicara, berbusana, mahupun dalam bertingkah laku, termasuklah di dalam aktiviti seksual. Golongan inilah yang dijelaskan di dalam hadis-hadis Nabi S.A.W sebagai orang yang dijauhi rahmat Allah S.W.T (Zaliha 1998).

Imam An-Nawawi menyatakan: “*Mukhannath* adalah seorang ‘lelaki’ yang dalam pergerakan, penampilan dan bahasanya membawa ciri-ciri seorang wanita. Terdapat dua jenis; pertama ialah seseorang yang mempunyai ciri-ciri tersebut secara semula jadi, dia tidak meletakkan ciri-ciri tersebut pada diri mereka dengan sendiri, tidak ada kesalahan padanya, tidak ada dosa dan tidak perlu malu dengannya, selagi dia tidak melakukan perbuatan (haram) atau mengeksploitasinya untuk wang (pelacuran dan lain-lain). Jenis kedua ialah berperwatakan seperti perempuan dengan tujuan tidak bermoral, dan dia dikira melakukan dosa dan patut dipersalahkan” (R&D JAIS, 2016).

Mazhab Hanafi dan Hanbali menjelaskan terdapat dua jenis *mukhannath* iaitu, satu dengan suara lembut dan tidak memiliki keinginan terhadap wanita dan tidak menampilkan tingkah laku anti-sosial. Mazhab Shafie dan Maliki, pada dasarnya mencirikan *mukhannath* sebagai lelaki yang suaranya menyerupai suara wanita dan mempamerkan beberapa ciri-ciri kewanitaan dalam bercakap, melihat, berfikir dan membuat pertimbangan. Oleh itu, selagi dia tidak mempunyai perasaan seksual terhadap wanita boleh dianggap sebagai *mukannath* jenis yang boleh diterima untuk tujuan pertemuan sosial dengan wanita. (Sayed Sikandar Shah Haneef, 2011).

## **2.0 KONSEP KHUNSA**

Isu golongan khunsa jarang diperkatakan oleh media, diskusi, seminar sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Malah ada yang menganggap golongan ini sebagai golongan minoriti yang sangat sukar untuk dijumpai. Saban tahun dahulu Malaysia pernah digemparkan dengan kes bekas dekan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Bahrom Sanugi yang memfailkan permohonan membubarkan pernikahan di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur menjadi isu yang hangat diperkatakan apabila beliau mengesyaki

isterinya, Sri Wani Choo Abdullah seorang pengusaha butik kecantikan itu seorang lelaki (*khunsa*) (Sinar Harian, 2012).

Khunsa dalam bahasa Arab bererti lembut. Manakala takrifan khunsa yang diberikan oleh ulama silam ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau orang yang tiada langsung mempunyai kedua-duanya dan hanya mempunyai lubang untuk membuang air kecil (Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah, 1983). Istilah lain bagi khunsa dalam bahasa Inggeris ialah *hermaphrodite* (Kamus Dwibahasa Oxford Fajar).

Menurut Nazri Hamid (1992), kelompok ini mungkin mempunyai sama ada satu atau dua gonad dengan testis yang berfungsi dan tisu ovari, satu orotisis di sebelah dan satu ovari atau testis di sebelah satu lagi ataupun satu testis di sebelah dan satu ovari di sebelah yang lain. Dalam makna lain, Hermafroditisme ini dikenali sebagai khunsa. Dalam perspektif Islam, khunsa ialah manusia yang mempunyai dua alat sulit lelaki dan perempuan pada seseorang atau yang langsung tidak didapati kedua-duanya.

Khunsa bukanlah sesuatu yang asing pada zaman serba canggih ini. Situasi sebegini telah pun wujud sejak ribuan tahun dahulu. Menurut ulama' fiqh, golongan khunsa ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu golongan yang dinamakan sebagai *khunsa musykil* iaitu khunsa yang tidak diragui dan juga *khunsa ghairu musykil* iaitu khunsa yang diragui status kecenderungan jantintanya. Untuk memahami pengelasan khunsa ini, dapat dinyatakan seperti di bawah:

- i. ***Khunsa Musykil***: Kategori khunsa sebegini amat sukar untuk ditentukan jantina mereka kerana tidak dapat dipastikan yang mana satu kecenderungan seksual mereka yang lebih dominan. Oleh yang demikian, khunsa jenis ini diberi kelonggaran untuk melakukan pembedahan bagi mengaktifkan dan mematikan salah satu alat kelamin mereka. Pandangan sedemikian adalah selaras dengan fatwa dengan yang dikeluarkan, bahawa khunsa musykil yang dilahirkan dengan dua jantina, adalah diharuskan untuk melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat kelaminnya supaya ianya benar-benar berfungsi.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke-25 pada 13 Disember 1989.

- ii. ***Khunsa Ghairu Musykil***: Khunsa jenis ini adalah mudah untuk ditentukan jantinya melalui tanda-tanda kelakian dan keperempuanan serta dapat dibezakan semasa bayi lagi. Ibnu Qudamah (1997) menyatakan khunsa jenis ini dapat dikelaskan dengan jelas jantinya berdasarkan kemaluan mana yang lebih dominan berbanding dengan kemaluan yang kurang berfungsi.

Menurut Wan Azmi Ramli (1991) apabila seseorang khunsa itu baru saja dilahirkan, kaedah yang biasa digunakan oleh ibu-bapa kepada bayi tersebut adalah dengan meneliti kemaluan manakah yang lebih sempurna dan baik sifatnya. Namun, terdapat juga dalam beberapa keadaan yang menyebabkan kekeliruan timbul, antaranya:

- i. Kekeliruan boleh timbul apabila ibu atau bapa kepada bayi khunsa tersebut melihat zakar bayi tersebut kelihatan terlalu kecil atau tidak sempurna sifatnya. Keadaan ini boleh dikenal pasti hanya berdasarkan penglihatan mata kasar. Terdapat juga keadaan di mana kehadiran zakar bersama faraj. Apabila situasi ini terjadi, biasanya ibu-bapa atau menentukan alat kelamin manakah yang lebih sempurna bentuknya dan ‘melabelkan’ anak mereka sebagai lelaki atau perempuan.
- ii. Kekeliruan yang dapat dilihat melalui pemeriksaan yang lengkap. Pemeriksaan boleh dilakukan untuk menentukan sama ada alat-alat dalaman seseorang itu lebih mirip kepada seorang perempuan, seperti adanya rahim, saluran fallopian dan ovary, ataupun tidak. Adakalanya bayi itu mempunyai zakar yang jelas tetapi ia juga mempunyai rahim seorang perempuan. Pemeriksaan juga perlu dibuat bagi kromosom yang terdapat di dalam sel-sel tubuhnya sama ada berbentuk XY (kombinasi kromosom lelaki) ataupun XX (bagi seorang wanita). Paras hormon jantinya, iaitu oestrogen dan androgen, juga menentukan pembetulan perbezaan sifat-sifat fizikal kejantinaan, terutama sekali semasa dan selepas peringkat akil baligh. Walaupun seseorang mempunyai kedua-dua hormon lelaki yang lebih banyak daripada hormon perempuan dan bagi seorang perempuan keadaan ini adalah sebaliknya.

### **3.0 PERBEZAAN ANTARA KHUNSA DAN MUKHANNATH**

Setiap sesuatu yang diciptakan oleh Allah SWT mempunyai kelebihan dan kehebatan yang tidak diduga oleh akal hambaNya. Namun, pada hari ini kita semakin dipertontonkan dengan satu isu kronik yang menghantui masyarakat dunia khususnya umat Islam, iaitu masalah *disforia gender* (kecelaruan gender). Keadaan ini berlaku apabila seorang individu itu keliru

dalam menentukan identiti jantinya tersendiri secara tepat. Malahan golongan-golongan sebegini mula mendapat tempat dalam perhatian masyarakat apabila mereka mula menonjolkan diri mereka dalam media sosial, malahan ada di antara mereka diangkat sebagai ikon perniagaan. Tanpa sedar, ada dalam kalangan mereka yang melawan fitrah kejadian manusia itu sendiri yang diciptakan dengan jantina lelaki dan perempuan. Justeru, Islam memberikan gambaran jelas dalam merungkai permasalahan ini.

Perbezaan yang ketara boleh diperhatikan antara *khunsa* dan *mukhannath* adalah amat ketara sekali. *Khunsa* memiliki zakar dan faraj serentak ataupun tidak memiliki kedua-duanya langsung semenjak asal sedangkan *Mukhannath* hanya memiliki zakar sahaja semenjak asal tetapi sikapnya menjadi lembut lebih daripada seorang wanita disebabkan dorongan naluri dan tekanan jiwa yang dahsyat hinggakan ada yang sanggup menjalani pembedahan plastik untuk memiliki faraj dan payu dara.

Sedangkan kewujudan *mukhannath* atau pondan pula disebabkan penyakit tekanan jiwa yang dialami oleh seseorang yang akalinya dikuasai oleh nafsu jahat. Malah definisi itu juga turut mempengaruhi minda mereka yang gila menukar jantina untuk menganggap diri mereka adalah *Khunsa* yang telah ditakdirkan oleh Allah SWT.

Golongan *khunsa musykil* tidak meminta dilahirkan begitu kerana mereka merupakan kejadian Allah buat mereka. Justeru, tidak ada halangan untuk mereka memilih jantina mana mereka lebih cenderung selepas tempoh masa tertentu atau boleh dibuktikan secara klinikal. Namun begitu, Islam melarang sama sekali bagi golongan yang sememangnya dilahirkan sebagai lelaki contohnya, mengubah kejadian tersebut dengan melakukan pembedahan atau berpakaian seperti perempuan di samping menjalinkan hubungan sejenis. Beliau turut berkata, orang yang mengubah jantina adalah mereka yang mempunyai iman lemah dan mudah dikawal nafsu dan syaitan (Norhafizan Zulkifli, 2011).

## 5.0 UNDANG-UNDANG BERKAITAN KHUNSA DAN *MUKHANNATH*

Menurut perundangan di Malaysia, status golongan transeksual masih lagi tidak jelas. Jika diperhatikan di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan ia menjelaskan berkaitan dengan kesamarataan semua orang di sisi undang-undang dan tidaklah boleh ada perbezaan oleh sebab agama, kaum, keturunan, tempat lahir atau jantina. Peruntukan ini menyebut “jantina” merujuk kepada perbezaan lelaki dan perempuan sahaja manakala golongan transeksual masih wujud ketidakjelasan daripada segi jantina. Ini termasuklah juga golongan *khunsa* yang tidak disebut secara jelas dalam peruntukan tersebut. (Laman Web Rasmi JKSNPP).

Sehingga kini, tiada satu peruntukan pun di dalam undang-undang yang mentakrifkan “lelaki” dan “perempuan”. Akta Tafsiran 1967, Seksyen 4(2) hanya menyatakan “*Mana-mana perkataan dan perbincangan yang ditujukan kepada kaum lelaki termasuklah perempuan*”. Walaubagaimanapun, perkataan yang ditujukan khusus kepada perempuan tidaklah pula termasuk dan meliputi lelaki. Perlu diingat bahawa kebanyakan undang-undang di Malaysia membezakan antara lelaki dan perempuan berdasarkan kepada butir-butir peribadi yang tercatat dalam surat beranak atau kad pengenalan. Sebarang pertukaran nama pada kad pengenalan adalah dibolehkan namun apabila ia melibatkan pertukaran status jantina atau agama, maka ia akan melibatkan soal bidang kuasa perundangan yang perlu diputuskan oleh Mahkamah.

Persoalan utama yang harus dibangkitkan mengenai golongan *mukhannath* dan *khunsa* ini, adakah mereka ini mempunyai tempat di sisi undang-undang? Adakah mahkamah berbidangkuasa untuk menentukan secara jelas jantina seseorang? Bolehkah mahkamah, berdasarkan peruntukan undang-undang yang diperuntukkan, menukar jantina seseorang apabila terdapat permohonan yang dikemukakan oleh golongan ini?

Berdasarkan kes *Re JG, JG lwn Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara* [2006] 1 MLJ 90 di mana pemohon dilahirkan sebagai seorang lelaki. Apabila beliau menyedari keadaan fizikalnya tidak selari dengan kehendak dalamannya, lantas pemohon membuat keputusan untuk menjadi seorang wanita dan pemohon menganggap pemohon merupakan seorang wanita yang terperangkap dalam tubuh seorang lelaki. Sejak itu pemohon menganggap dirinya wanita dan

beliau merasakan bahagia. Pada tahun 1996, di sebuah hospital di Thailand iaitu Hospital Siroros, beliau menjalani suatu pembedahan untuk menukar jantinya kepada perempuan. Untuk menyokong permohonannya, pemohon telah melampirkan suatu sijil perakuan yang dikeluarkan oleh pihak hospital yang ditandatangani oleh doktor yang mana, menjelaskan bahawa pemohon menjalani pembedahan untuk mengubah jantina dari lelaki ke perempuan secara sepenuhnya di Hospital Siroros pada 21 Mei 1996, maka dia boleh hidup seperti wanita. Selepas pembedahan itu, dia memohon kepada defendan untuk menukar namanya daripada nama asalnya seorang lelaki, kepada nama wanita.

Yang Arif James Foong, semasa membenarkan permohonan pemohon telah mengambil kira berdasarkan kes *Wong Chiou Yong (p) lwn Pendaftar Besar/Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara*[2005] 1 MLJ 551 yang mana, hakim ketika itu telah mengikuti prinsip dalam kes *Cortett lwn Corbett* [1970] 2 All ER 33 yang mana Omrod J menyatakan dalam kes itu, terdapat empat item yang perlu yang diambil kira, dalam membenarkan apa-apa permohonan untuk penukaran jantina, iaitu:

1. Faktor kromosom;
2. Faktor genodal;
3. Faktor genital;
4. Faktor psikologi;

Mahkamah memutuskan bahawa mereka mempunyai bidangkuasa untuk membenarkan permohonan pemohon berdasarkan Akta Relief Spesifik 1950 dan permohonan permohonan adalah diterima secara amnya oleh mahkamah berikutan nasihat profesyen perubatan bahawa untuk menilai dan menentukan jantina seseorang, empat kriteria utama yang telah disebutkan perlu dibuktikan dan mahkamah memerintahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuat pembetulan jantina sebagaimana yang tertera dalam kad pengenalan pemohon.

Berdasarkan kes di atas, Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan yang dibuat berkaitan dengan pertukaran jantina dengan syarat permohonan haruslah menepati keempat-empat syarat yang telah dinyatakan sebentar tadi. Kesan melalui perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah tadi, pemohon adalah bebas dan



berhak untuk dilayan sebagai wanita dan mendapat tempat di sisi undang-undang sebagai seorang wanita yang sah.

Namun, timbul pula isu di mana adakah golongan *mukhannath* dan khunsa ini, apabila mereka tidak berjaya ataupun tidak mempunyai kehendak untuk memfailkan kes mereka ke mahkamah, boleh disabitkan dengan kesalahan jenayah syariah bagi mereka yang beragama Islam? Umumnya, terdapat beberapa peruntukan yang membolehkan golongan *mukhannath* dan khunsa ini disabitkan dengan kesalahan jenayah syariah jika mereka melanggar salah satu daripada peruntukan yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Antara peruntukan yang boleh dikenakan terhadap mereka adalah melalui seksyen 30 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang mana adalah menjadi satu kesalahan apabila seorang lelaki berlagak seperti perempuan atau berpakaian seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Jika di negeri Pahang, mana-mana perempuan pula yang berlagak seperti lelaki atau berpakaian seperti lelaki juga menjadi suatu kesalahan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Golongan *mukhannath* dan khunsa ini juga adalah cenderung untuk melakukan hubungan seks sesama jantina mereka. Walaupun mereka mendakwa mereka merupakan seorang wanita yang terperangkap dalam badan dan jasad lelaki, Islam sama sekali tidak membenarkan pelakuan sebegini terjadi. Hal ini kerana, dalam Islam hanya *khunsa musykil* sahaja yang dibenarkan untuk memilih jantina mana yang lebih cenderung dan dominan dalam diri mereka dan ‘mematikan’ jantina mana yang kurang dominan. Bagi *mukhannath*, mereka adalah lelaki secara fizikal dan alami, namun disebabkan faktor persekitaran dan pengaruh menyebabkan mereka mengalami kecelaruan seksualiti. Golongan *mukhannath* kebiasaannya akan tertarik kepada golongan lelaki (Mohd Izhar Ariff & Diani Mardina, t.t).

Disebabkan jantina asal *mukhannath* adalah lelaki, maka jika seorang *mukhannath* melakukan sebarang hubungan seksual bersama dengan seorang lelaki, walaupun beliau mendakwa diri

beliau adalah perempuan, beliau tetap melakukan kesalahan jenayah syariah iaitu berdasarkan seksyen 27 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan kesalahan mengenai hubungan jenis antara orang yang sama jantina, dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Seksyen 28 enakmen yang sama juga lebih spesifik kerana peruntukan tersebut menyatakan mana-mana orang yang melakukan persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii dengan mana-mana lelaki, perempuan atau binatang adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Persoalan mengenai perkahwinan juga harus diambil kira. Setiap manusia mengimpikan sebuah rumah tangga yang aman dan bahagia bersama dengan insan yang tersayang. Bagaimana pula dengan golongan khunsa dan *mukhannath* ini? Golongan khunsa *muyskil*, sebagaimana yang dinyatakan dalam Fatwa Kebangsaan adalah dibenarkan untuk membuat prosedur penukaran jantina, manakala khunsa *ghairu musykil* hanya perlu membuat justifikasi dan menentukan alat kelamin atau ciri-ciri seksualiti manakah yang lebih dominan untuk menentukan taraf ataupun status jantina mereka. Golongan *mukhannath*, akan lebih cenderung untuk menjadi wanita dan mempunyai ciri-ciri *submissive* berbanding seorang lelaki sejati yang memiliki sifat dominan. Takrifan perkahwinan yang diberikan oleh ulama fiqh adalah suatu akad yang menghalalkan pergaulan dan persetubuhan antara suami isteri dengan jalan-jalan yang ditetapkan (Abu Zuhrah, t.t).

Seksyen 11 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan, perkahwinan yang tidak dijalankan mengikut hukum syarak merupakan perkahwinan yang tidak sah dan tidak boleh didaftarkan menurut enakmen. Rukun-rukun perkahwinan dan syarak, antara lain adalah pengantin lelaki dan pengantin perempuan. *Mukhannath*, merupakan seorang lelaki secara fizikal dan alami. Adalah mustahil untuk seorang *mukhannath* untuk menjalankan upacara perkahwinan dengan seorang lelaki yang lain. Bagi mereka yang bukan beragama Islam pula, Seksyen 11 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 menyebut tentang perkahwinan yang dilarang termasuklah yang menyalahi agama, adat dan undang-undang.

Seksyen 40 akta yang sama juga menegaskan bahawa sesiapa yang tidak diiktiraf oleh akta tetapi meneruskan perkahwinan adalah menyalahi undang-undang dan boleh disabitkan dengan hukuman penjara tidak lebih daripada 10 tahun dan denda tidak melebihi RM 15,000.

Walaupun tidak ke semua daripada golongan ini melakukan kegiatan yang tidak bermoral, namun Islam tetap memandang serius isu ini kerana ia melibatkan hukum dan syariat Islam. Selain itu, gejala transeksualisme ini juga mampu mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan kepada sesebuah negara. Tidak mustahil di masa akan datang jika masalah ini tidak dibendung, ia akan menyebabkan remaja yang baru meningkat usia terpengaruh dengan budaya sedemikian yang menyalahi hukum syarak dan nilai-nilai moral sebagai manusia normal. Kesan transeksualisme ini sememangnya akan memberi kesan negatif kepada diri mereka sendiri atau masyarakat sekelilingnya. Sebagai contoh, mereka pasti akan menghadapi masalah dalam perundangan, perkahwinan, pekerjaan, amalan dalam beribadah dan sebagainya. Sehubungan itu, isu-isu seperti ini perlu diambil perhatian secara serius oleh pemimpin, ulama dan semua yang berada di sekeliling mereka supaya penawar kepada penyakit sedemikian dapat dilaksanakan dengan baik.

## **6.0 KESIMPULAN**

Apa yang jelas di sini ialah konflik-konflik sebegini perlulah diambil perhatian serius. Ini kerana, sehingga kini Malaysia tidak mempunyai dasar yang jelas berkaitan status transeksual. Penulis berpandangan beberapa perkara penting perlu diteliti dalam menyelesaikan isu ini. Pertama kerajaan perlulah membuat dasar khusus bagi memutuskan dari segi jantina status mereka yang telah melakukan pertukaran jantina. Meskipun adalah jelas Malaysia melarang perbuatan pertukaran jantina dilakukan di Malaysia, namun pembedahan tersebut masih boleh dilakukan di negara-negara lain.

Kedua, perlunya dibuat satu peruntukan khusus bagi mengenakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan pembedahan pertukaran jantina. Seperti mana dijelaskan sebelum ini, pertukaran jantina masih boleh dilakukan di negara-negara lain. Ketiga, kerajaan perlu tegas bagi memastikan bahawa sebarang pertukaran nama yang menimbulkan kekeliruan

jantina dihentikan. Ini kerana, ia boleh memberi satu kelebihan kepada golongan transeksual untuk menukar nama asal mereka kepada nama yang sesuai dengan ‘jantina’ baru mereka. Keempat, status perkahwinan golongan transeksual ini perlulah tidak diiktiraf oleh undang-undang di Malaysia. Ini bertujuan untuk mengelakkan wujudnya perkahwinan sejenis seperti kes nikah sejenis yang pernah berlaku di Melaka.

Secara ringkas, oleh sebab dasar serta perundangan Malaysia masih kurang jelas berkaitan isu transeksual ini, maka suatu tindakan yang konkrit perlulah dilaksanakan. Dalam hal ini, adalah penting digubal peruntukan khusus bagi menjelaskan status sebenar transeksual. Adalah amat malang sekiranya golongan transeksual ini diberi perlindungan di Malaysia untuk menukar jantina dan mempunyai status jantina yang berlainan dengan jantina asal mereka. Ini boleh memberi kesan besar khususnya kepada masyarakat Islam kerana ia akan melibatkan soal perkahwinan, urusan perwalian, pembahagian harta pusaka dan sebagainya.

Fenomena mengenai mak nyah di Malaysia kembali rancak diperkatakan kebelakangan ini apabila timbul nama seperti Aleesya Farhana dan Natasya Farisya dalam media massa. Aleesya Farhana atau nama sebenarnya Mohd Ashraf Hafiz Abdul Aziz, berusia 25 tahun telah gagal dalam permohonannya untuk menukar nama dalam myKad daripada Mohd Ashraf Hafiz Abdul Aziz kepada Aleesya Farhana Abdul Aziz di Mahkamah Tinggi Terengganu Rentetan kegagalan tersebut Mohd Ashraf Hafiz telah dilanda kemurungan yang melampau sehingga akhirnya beliau telah meninggal dunia akibat masalah jantung dan tekanan darah rendah (Berita Harian, Julai, 2011).

## **RUJUKAN**

- Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyah Al-Kuwaitiyah (1983) *Kementrian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait*. Cet 2. Kementrian Wakaf dan Urusan Agama Kuwait.
- Ibnu Qudamah (1997) *Al-Mughni*. Riyad: Dar Alamul Kutub.
- Marziana Abd. Malib & Mimi Sofiah Ahmad Mustafa (2014) *Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?* Jurnal Bisnes dan Pembangunan Sosial 2: 48-61.

- Mohd Izhar Ariff & Diani Mardina (t.t) *Transeksual menurut Perspektif Islam dan Sains*. Isu Syariah Dan Undang-Undang Siri 22. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Muhammad Abu Zuhrah (t.t) *al-Ahwal al-Syakhsiah*. Mesir:Dar al-Fikr al-Arabi.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali ke-25 pada 13 Disember 1989.
- Norhafizan Zulkifli. 2011, *Artikel 'Khunsa Musykil Tidak Disisih'*. Sinar Harian, 7 November 2011.
- R&D Jun 2016 *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Sayed Sikandar Shah Haneef (2011) *Transsexuals and Sex Change: Legality Debate In Islamic Law*. [2011] 6 MLJ cxxv.
- Wan Azmi Ramli (1991) *Dilema 'Mak Nyah': Suatu Ilusi*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli (1991) *Dilema 'Mak Nyah': Suatu Ilusi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaliha Tak (1998) *Khuntha Dan Mukhannath Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

## **STATUT**

- Akta Membaharui Undang- Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- Akta Pendaftaran Kelahiran Dan Kematian 1957
- Akta Relief Spesifik 1950.
- Akta Tafsiran 1967.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

## **KES-KES**

- Cortett lwn Corbett* [1970] 2 All ER 33.
- Re JG, JG lwn Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara* [2006] 1 MLJ 90.
- Wong Chiou Yong (p) lwn Pendaftar Besar/Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara* [2005] 1 MLJ 551.